

**12/10/2014 - Majlis Perjumpaan Dan Dialog Dengan Pegawai Awam**  
**Persekutuan Sarawak**

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam  
1Malaysia.

Yang Dihormati Saudara Pengacara Majlis,

**YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

**Y.Bhg. Datuk Md. Yahaya bin Basimin**  
Setiausaha Persekutuan Sarawak

Yang Berbahagia Ketua-ketua Jabatan Persekutuan

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi  
sekalian.

**PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan kurnia dari-Nya, saya berpeluang untuk mengadakan perjumpaan dengan pegawai-pegawai awam Persekutuan yang berkhidmat di negeri Sarawak.
2. Sesungguhnya, penganjuran majlis seumpama ini bukan sahaja memberikan saya peluang untuk menyampaikan sepatah dua kata kepada

para hadirin, tetapi juga membolehkan para pegawai untuk menyuarakan pandangan dan mendapatkan penjelasan lebih mendalam mengenai dasar-dasar kerajaan sedia ada.

### **PERANAN PEGAWAI AWAM PERSEKUTUAN DI NEGERI-NEGERI**

3. **Pegawai awam Persekutuan** yang berkhidmat di peringkat negeri memainkan peranan penting daripada segi menjadi **saluran penghubung diantara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri**. Peranan ini merangkum **menyalurkan maklumat kepada Kerajaan Persekutuan mengenai keperluan peringkat akar-umbi** di negeri yang berkenaan, serta **memperjelaskan dasar-dasar** yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri kepada rakyat seperti dasar pelaksanaan GST pada bulan April tahun 2015.
  
4. Goods and Services Tax atau GST, merupakan pendekatan Kerajaan untuk memperluaskan *tax base* atau mempertingkatkan kutipan cukai, serta mengelakkan ketirisan daripada sistem percukaian negara. Terdapat segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab, yang cuba mengambil kesempatan daripada dasar ini untuk mengaut keuntungan dengan menaikkan harga barangan dan perkhidmatan. Justeru itu, **adalah penting bagi penjawat awam, sebagai pelaksana dasar kerajaan, untuk memahami dengan jelas dasar yang diperkenalkan dan membantu Kerajaan mempertingkatkan kesedaran dikalangan rakyat** mengenai dasar-dasar yang diperkenalkan.

5. Sebagai penjawat awam, samada penjawat awam Persekutuan mahupun pegawai Negeri, adalah untuk **melaksanakan dasar-dasar atau program-program yang digubal dan dirancang oleh Kerajaan, dengan jayanya**. Peranan ini perlu lebih diutamakan oleh penjawat awam Persekutuan disebabkan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan terhadap pembangunan di negeri-negeri. Sebagai contoh, sekiranya projek-projek pembangunan fizikal dan sosial yang telah ditetapkan Kerajaan Persekutuan tidak dilaksanakan atau berlaku kelewatan di peringkat negeri, sudah tentunya penjawat awam akan dipersalahkan. Mandat yang diberikan rakyat kepada Kerajaan juga akan terjejas. Penjawat awam perlu memainkan **peranan sebagai pemudah cara (facilitator) dan pemangkin (catalyst) kepada sektor swasta** yang mana hasil cukai pendapatan yang diperolehi daripada sektor swasta disalurkan untuk pembangunan negara dan termasuk sebagai pembayaran emolumen penjawat awam.
  
6. Dalam hubungan ini juga, sempena dengan sambutan Hari Malaysia pada 16 September yang lepas, saya ingin mengingatkan para hadirin supaya **memahami dengan jelas sejarah penubuhan Malaysia dengan mengambil kira peranan negeri-negeri Sarawak dan Sabah**. Kita perlu menangkis sebarang persepsi ataupun cadangan-cadangan daripada pihak tidak bertanggungjawab, yang cuba untuk mengganggu-gugat kestabilan dan keamanan negara, dengan mempertikaikan perkara-perkara dasar yang telah diputuskan dalam hal ini.

### **CIRI-CIRI PENJAWAT AWAM**

7. Pegawai awam perlu mempunyai 5 kompetensi yang membolehkan mereka melaksanakan tugas dengan lebih efektif dan cekap. Kompetensi-kompetensi ini boleh diringkaskan sebagai **I-FAME**. 'I' iaitu *ability to influence*, membawa maksud keupayaan untuk mempengaruhi atau meyakinkan kumpulan sasaran atau *stakeholders* ke arah mencapai kata sepakat dalam penyelesaian sesuatu isu. 'F' pula merujuk kepada *fitness*. Menerusi pengamatan dan pengalaman saya, penjawat awam yang berupaya memikul tanggungjawab dan peranan di peringkat pengurusan tertinggi memerlukan kepada *fitness*, iaitu **gabungan kemahiran dan kebijaksanaan dalam menangani sesuatu keadaan atau isu dengan mengambil kira pelbagai implikasi kepada kerajaan dan stakeholders**. 'A' bermaksud *analytical and creative thinking*. Sebagai penjawat awam yang dipertanggungjawabkan untuk menggubal dan melaksanakan dasar dengan jayanya, kita perlu mempunyai keupayaan untuk berfikir secara kritikal terhadap sesuatu permasalahan atau isu. Disebalik kekangan yang dihadapi samada dalam bentuk sumber manusia atau kewangan, kita perlu mencari jalan penyelesaian secara kreatif. 'M' pula ialah *ability to motivate* iaitu merujuk kepada keupayaan untuk memotivasikan ahli-ahli pasukan kita samada pegawai atau kumpulan pelaksana untuk mencapai objektif organisasi yang ditetapkan. 'E' pula membawa maksud *to empower*. Sebagai ketua, kita perlu berkongsi maklumat, ganjaran dan memberikan kebenaran kepada pegawai bawahan serta kumpulan pelaksana untuk mengambil inisiatif dalam menyelesaikan sesuatu isu dan mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam.

### **JALINAN USAHASAMA DIANTARA AGENSI MELALUI NBOS**

8. Lanskap perkhidmatan awam di peringkat negeri adalah berbeza dengan di peringkat Persekutuan. Ini adalah kerana wujudnya agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri di negeri terbabit. Sistem atau struktur pentadbiran ini membawa kepada **cabaran koordinasi dan kerjasama** daripada segi mempertingkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat. Namun, ia juga boleh dilihat daripada **perspektif peluang untuk menjalinkan usahasama menggunakan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)** sepertimana UTC Kuching diwujudkan. Oleh itu, saya ingin menyarankan Ketua-ketua Jabatan Persekutuan di Sarawak, untuk sentiasa berfikir di luar kotak, bagaimana kita boleh bekerjasama dengan agensi-agensi Negeri Sarawak, untuk menterjemahkan rancangan Kerajaan kepada hasil yang bermakna dan mendatangkan impak kepada rakyat. Malah, peruntukan sebanyak RM356 juta oleh Kerajaan dalam Bajet 2015 untuk pelaksanaan projek-projek NBOS mencerminkan kepercayaan Kerajaan ke atas keberkesanan pendekatan ini.

### **BAJET 2015 UNTUK PENJAWAT AWAM**

9. Jumlah penjawat awam yang ramai menyebabkan pihak Kerajaan perlu meneliti penambahbaikan skim perkhidmatan terutamanya daripada segi pertambahan elaun atau gaji secara mendalam dan holistik mengambil kira kedudukan kewangan dan fiskal negara. Walaupun begitu, Kerajaan kita adalah berjiwa rakyat dengan mengutamakan kebajikan penjawat awam.

10. Ini jelas apabila YAB Perdana Menteri kita, Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak mengumumkan dalam pembentangan Bajet 2015

dua hari yang lepas, beberapa insentif untuk penjawat awam seperti berikut:

- a. bonus sebanyak setengah bulan gaji dengan bayaran minimum RM500 serta bantuan khas untuk pesara sebanyak RM250;
- b. penambahbaikan ke atas 252 skim perkhidmatan;
- c. had kelayakan maksimum pinjaman perumahan yang dinaikkan sehingga RM600,000 bagi penjawat awam;
- d. penurunan harga rumah serta pertambahan pembinaan unit Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M); dan
- e. Pemberian kemudahan cuti menjaga anak selama 1 tahun untuk penjawat awam wanita.

11. Oleh yang demikian, kita seharusnya berterima kasih diatas keprihatinan Kerajaan dengan melakukan yang terbaik dalam tugas kita sebagai penjawat awam. Janganlah kita leka dan janganlah kita abaikan amanah kita selaku penjawat awam. Marilah kita bersama-sama menjayakan Agenda Transformasi Negara demi pembangunan negara kita.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.